



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 21 TAHUN 2008

**MENAIK TARAF SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG JURURAWAT KEPADA SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT MASYARAKAT**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk menaik taraf skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 kepada skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan di dalam Bajet 2009 antara lain turut memberi perhatian khusus mengenai pembangunan modal insan yang melibatkan perkhidmatan kejururawatan. Selaras dengan aspirasi tersebut, kerajaan telah bersetuju untuk memantapkan kemahiran dan kualiti perkhidmatan Jururawat dengan menaik taraf skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 kepada skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26 selepas lulus dengan jayanya Kursus Peralihan Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam (6) bulan. Berikutan dengan keputusan tersebut, skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 dijumlahkan dan fungsi perkhidmatan Penolong Jururawat sedia ada diperluas di bawah perkhidmatan Jururawat Masyarakat sedia ada.

PELAKSANAAN

3. Selaras dengan keputusan kerajaan menaik taraf perkhidmatan Penolong Jururawat yang skop fungsinya diperluas di bawah perkhidmatan Jururawat Masyarakat, pegawai yang menyandang jawatan Penolong Jururawat akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26.

4. Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang dilantik secara tetap layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke Gred U19 skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) memiliki kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat sijil tersebut **serta mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) tahun pengalaman dalam perkhidmatan Penolong Jururawat pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan dan mengikuti serta lulus dengan jayanya Kursus Peralihan Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam (6) bulan di kolej-kolej latihan KKM dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia;** atau
- (b) memiliki kelayakan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)/ Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam perkhidmatan Penolong Jururawat pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan dan mengikuti serta lulus dengan jayanya Kursus Peralihan Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam (6) bulan di kolej-kolej latihan KKM dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia.**

Tempoh perkhidmatan tetap yang disyaratkan adalah tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

5. Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang belum memenuhi syarat seperti di perenggan 4 di atas akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji baru dalam skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan
6. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Penolong Jururawat tidak lagi boleh dilaksanakan. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang terlibat dengan urusan pertukaran pelantikan ini.
7. Peruntukan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Penolong Jururawat ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat dan Jururawat adalah dimansuhkan. Pindaan skim-skim perkhidmatan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A dan B**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan Jururawat Masyarakat serta penghuraian tugasnya adalah seperti di **Lampiran C dan D**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26 adalah seperti sedia ada mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

PEMBERIAN OPSYEN

8. Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua jabatan/ perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.
9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen

dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan ini. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang.

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11 atas alasan yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi maksud pemberian opsyen, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) bagi pegawai yang telah memenuhi syarat pertukaran pelantikan:
 - (i) **Lampiran E** - Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan;
 - (ii) **Lampiran E1** - Syarat-syarat pertukaran pelantikan; dan
 - (iii) **Lampiran E2** - Borang opsyen pertukaran pelantikan.

(b) bagi pegawai yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan, syarat-syarat pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran E1** dan contoh surat tawaran opsyen serta borang opsyen adalah seperti berikut:

- (i) **Lampiran E3** - Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan; dan
- (ii) **Lampiran E4** - Borang opsyen pertukaran pelantikan.

15. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

16. Penetapan gaji permulaan bagi Penolong Jururawat yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** gred jawatan baru.

17. Penetapan gaji permulaan bagi Penolong Jururawat yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** di gred jawatan baru **yang mana jumlah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

18. Sekiranya matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip **seperti di perenggan 16 dan 17**, Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang ditukar lantik kepada Jururawat Masyarakat Gred U19 adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Jururawat Gred U11 yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** dan telah **memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1);
- (b) Penolong Jururawat Gred U11 yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan **memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Penolong Jururawat Gred U14 yang **memenuhi syarat pertukaran pelantikan** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (d) Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang **berkelayakan SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **belum memenuhi syarat** yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji baru di Peringkat 1 (P1) Gred U19 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan; dan
- (e) Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang **berkelayakan SRP/ PMR** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **belum memenuhi syarat** yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, hendaklah

dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal. Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji baru di Peringkat 1 (P1) Gred U19 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

20. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

21. Pergerakan gaji tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi Penolong Jururawat yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya. Walau bagaimanapun TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik adalah tidak berubah. TPG pegawai hanya akan diubah kepada TPG baru pada tahun berikutnya apabila layak ditukar lantik selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. TPG baru bagi tahun berikutnya ialah pada 1 Januari selepas gaji pegawai ditetapkan di Gred U19.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

23. Penolong Jururawat yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang sedang berkuat kuasa terpakai bagi skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

24. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan/ perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada ketua jabatan/ perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

- (i) menyampaikan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat;
- (ii) **memberi penjelasan** secara terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) **mengemaskini** kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan;
- (iv) berhubung dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan pemansuhan jawatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 dan pewujudan jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 secara tukar ganti serta pewujudan jawatan KUP (bagi pegawai yang menolak/ belum layak) selepas urusan opsyen pertukaran pelantikan ini selesai; dan
- (v) **melaksanakan pekeliling perkhidmatan** ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada **Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam** mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan memahami opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan/ perkhidmatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) **melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen** iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) **membuat pilihan** sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini dan mengembalikan borang opsyen dalam **tempoh 30 hari** mulai tarikh surat tawaran opsyen.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

25. Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19 tidak boleh menggunakan pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Gred U11 dan U14 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baru.

TARIKH KUAT KUASA

26. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.


PEMBATALAN

27. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B, muka surat 691 hingga 692 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah terbatal dengan sendirinya, kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak.

PEMAKAIAN

28. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

5 Disember 2008

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2009

GRED

Jadual Gaji Matriks

Gred U19	:	P1T1	RM827.94	-	P1T24	RM2177.15
		P2T1	RM880.88	-	P2T24	RM2298.18
		P3T1	RM935.33	-	P3T24	RM2423.63
Gred U24	:	P1T1	RM1932.06	-	P1T12	RM2863.79
		P2T1	RM2074.24	-	P2T12	RM3163.24
Gred U26	:	P1T1	RM2216.41	-	P1T9	RM3015.05
		P2T1	RM2429.67	-	P2T9	RM3300.87

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia;
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: P1T7).
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	4. Jururawat Masyarakat Gred U19 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Jururawat Masyarakat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Jururawat Masyarakat Gred U19 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Jururawat Masyarakat Gred U19 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9. Jururawat Masyarakat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24	10. Jururawat Masyarakat Gred U19 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U24 kosong apabila telah:- (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED U26	11. Jururawat Masyarakat Gred U24 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U26 yang kosong apabila telah:- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT	12. Jururawat Masyarakat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2003, JPA(S)324/14/24-2 (45)].

**SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
 (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2009

GRED	Jadual Gaji Matriks			
Gred U29	:	P1T1 RM1160.69	-	P1T27 RM3057.39
		P2T1 RM1231.78	-	P2T27 RM3279.74
		P3T1 RM1305.89	-	P3T27 RM3476.28
Gred U32	:	P1T1 RM1959.29	-	P1T20 RM3656.38
		P2T1 RM2104.49	-	P2T20 RM4034.43
Gred U36	:	P1T1 RM3057.36	-	P1T11 RM4521.51
		P2T1 RM3270.62	-	P2T11 RM4999.43
Gred U41	:	P1T1 RM1999.19	-	P1T24 RM4723.81
		P2T1 RM2095.20	-	P2T24 RM5022.83
		P3T1 RM2195.39	-	P3T24 RM5317.92
Gred U42	:	P1T1 RM1999.19	-	P1T24 RM4723.81
		P2T1 RM2195.39	-	P2T24 RM5317.92
Gred U44	:	P1T1 RM3028.90	-	P1T14 RM5018.81
		P2T1 RM3358.68	-	P2T14 RM5547.49
Gred U48	:	P1T1 RM4431.54	-	P1T8 RM5882.85
		P2T1 RM4871.25	-	P2T8 RM6439.46
Gred U52	:	P1T1 RM4992.31	-	P1T8 RM6443.62
		P2T1 RM5465.42	-	P2T8 RM7033.63
Gred U54	:	P1T1 RM5258.09	-	P1T8 RM6843.02
		P2T1 RM5722.85	-	P2T8 RM7466.41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Jururawat yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Jururawat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

6. Jururawat dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Jururawat yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Jururawat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

10. Jururawat Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**

- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U42**

11. Jururawat Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
12. (i) Jururawat Gred U29 atau U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- (ii) Jururawat Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

13. Jururawat Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

14. Jururawat Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

15. Jururawat Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

16. Jururawat Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

17. Jururawat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005, JPA(S)324/8/19 Klt.5 (19)].

LAMPIRAN C

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Jururawat Masyarakat
(b) Kementerian/ Jabatan : (Untuk dinyatakan oleh agensi)
(c) Sokongan : Sokongan
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred U19	P1T1 RM827.94 P2T1 RM880.88 P3T1 RM953.33	- - -	P1T24 RM2177.15 P2T24 RM2298.18 P3T24 RM2423.63
Gred U24	P1T1 RM1932.06 P2T1 RM2074.24	- -	P1T12 RM2863.79 P2T12 RM3163.24
Gred U26	P1T1 RM2216.41 P2T1 RM2429.67	- -	P1T9 RM3015.05 P2T9 RM3300.87
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia;
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: P1T7).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab membantu melaksanakan tugas-tugas berkaitan perbidanan, penjagaan kesihatan ibu dan anak, perawatan asas dan penjagaan penyakit.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
JURURAWAT MASYARAKAT**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26

2. PERINGKAT ORGANISASI

Kementerian Kesihatan Malaysia

3. RINGKASAN TUGAS

Jururawat Masyarakat adalah pekerja kesihatan yang menjalankan pelbagai tugas dan merupakan ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat secara terus kepada masyarakat.

4. SPESIFIKASI JAWATAN

4.1 Jururawat Masyarakat Gred U19

Tugas utama bagi Jururawat Masyarakat Gred U19 tertumpu dalam bidang kebidanan dan kesihatan keluarga yang merangkumi aspek perawatan kejururawatan dari segi amalan kejururawatan, pengurus kejururawatan, latihan kejururawatan, program kualiti dalam kejururawatan, dokumentasi dan lain-lain tugas.

4.2 Jururawat Masyarakat Gred U24

Jururawat Masyarakat U24 adalah ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat untuk masyarakat di dalam Program Pembangunan Kesihatan Keluarga dan bertanggungjawab terus kepada Jururawat Kesihatan dan Ketua Jururawat Kesihatan dalam aspek membantu Jururawat Kesihatan merancang pengalaman klinikal dan amali serta memberi orientasi kepada Jururawat Masyarakat Pelatih. Di samping itu, turut membantu Jururawat Kesihatan dalam pengurusan harian di klinik kesihatan dan penyeliaan di samping menjalankan tugas-tugas Jururawat Masyarakat Gred U19 dari segi amalan kejururawatan, pengurus kejururawatan, latihan kejururawatan, program kualiti dalam kejururawatan, dokumentasi dan lain-lain tugas.

4.3 Jururawat Masyarakat Gred U26

Jururawat Masyarakat Gred U26 adalah pekerja kesihatan yang menjalankan pelbagai tugas dan merupakan ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat di Klinik Desa. Penempatan Jururawat Masyarakat Gred U26 adalah di Klinik Desa yang mempunyai beban kerja yang tinggi. Beliau bertanggungjawab kepada Jururawat Gred U29, Ketua Jururawat Kesihatan Gred U32 dan Penyelia Jururawat Kesihatan Gred U36 dalam memberi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer bagi mempertingkatkan dan mengekalkan tahap kesihatan masyarakat seperti dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari aspek pengurusan klinik, pengurusan aktiviti kejururawatan, latihan kejururawatan, program kualiti dalam kejururawatan, dokumentasi dan lain-lain tugas.

5. SKOP FUNGSI BIDANG TUGAS

5.1 AMALAN KEJURURAWATAN

- 5.1.1 Memastikan mempunyai amalan kejururawatan tahunan yang terkini.
- 5.1.2 Perlu memperbaharui amalan kejururawatan tahunan yang terkini.
- 5.1.3 Mematuhi etika kejururawatan.

5.2 PENGURUSAN AKTIVITI KEJURURAWATAN

5.2.1 Kesihatan Ibu Hamil

- a. Menjalankan sesi klinik ibu hamil.
- b. Menemubual dan mengambil riwayat perihai ibu, ukur tinggi dan mengambil berat badan serta tekanan darah.
- c. Menjalankan pemeriksaan fizikal dan pemeriksaan abdomen bagi ibu dan mengesan kes luar biasa untuk tindak susul dan dikodkan mengikut garis panduan.
- d. Menjalankan tatacara:
 - i. Mengambil timbang/tinggi
 - ii. Tekanan darah
 - iii. Ujian - Air Kencing
 - iv. BF/MP

- e. Mengambil contoh darah untuk ujian:
 - i. Kemerahan darah
 - ii. HIV/VDRL
 - iii. Grouping RH jika perlu
- f. Memberi Suntikan Tetanus Toxoid
- g. Membekalkan pil vitamin, garam beriodin dan haematinik dan FCM kepada ibu yang layak.
- h. Membuat rujukan semua ibu hamil kepada Pegawai Perubatan pada lawatan pertama ke klinik untuk pemeriksaan jantung dan paru-paru dan semasa 36/52 kandungan dan jika perlu.
- i. Merujuk kes berisiko kepada Jururawat Kesihatan/Pegawai Perubatan.
- j. Memberi tunjuk ajar mengenai carta *Fetal Kick Chart* dan memastikan ibu membuat dengan betul.

5.2.2 Bersalin di Klinik/ Pusat Bersalin Alternatif (ABC)

- a. Bertugas atas panggilan bagi kes kebidanan di klinik.
- b. Mengendalikan kelahiran di rumah dan Pusat Bersalin Alternatif (ABC)/ klinik.
- c. Membuat tafsiran tahap kesihatan dan pemulihan ibu yang layak bersalin di klinik.
- d. Membuat pemantauan perkembangan proses bersalin dan mencatat setiap perkembangan ke dalam partogram.
- e. Membuat kelahiran di klinik.
- f. Menjalankan pemeriksaan awal ibu dan bayi lepas bersalin.
- g. Menggalakkan penyusuan ibu sebaik sahaja dilahirkan.
- h. Menjalankan prosedur kecemasan obstetrik jika perlu seperti memasang infusi intravena dan mendapat bantuan Jururawat Kesihatan jika perlu, atau menguruskan untuk terus dihantar ke hospital.
- i. Menjalankan resusitasi bayi baru lahir.

- j. Memberi suntikan Vit K 1 ampul kepada bayi sebaik sahaja dilahirkan, suntikan BCG sebelum *discharge* dari klinik.

5.2.3 Jagaan Ibu Lepas Bersalin

- a. Memberi jagaan perawatan di rumah untuk kes-kes yang bersalin di kawasan operasi, lahir di hospital, bidan kampung atau swasta. Membimbing ibu, ahli keluarga dan pembantu dalam jagaan perawatan ibu di rumah.
- b. Memberi jagaan lepas bersalin seperti jadual iaitu hari 1, 2, 3, 4, 6, 8, 10 dan 20 dan membuat rujukan bila perlu.
- c. Menjalankan pemeriksaan ibu lepas bersalin (*post natal*) di rumah secara keseluruhan seperti rahim, perineum, lochia, payudara, tekanan darah, kemerahan darah, suhu badan, tanda-tanda *impending eclampsia* iaitu sakit ulu hati, loya, pening dan kabur mata, sakit labubetis dan membuat rujukan apabila perlu.
- d. Menjalankan pemeriksaan keseluruhan ke atas bayi bagi mengesan keadaan luar biasa seperti *jaundice*, jangkitan mata, pusat dan *septic spot*.
- e. Merujuk kes yang dikenal pasti mengikut keperluan kepada Jururawat Kesihatan/ Pembantu Perubatan/ Pegawai Perubatan.
- f. Mengajar ibu tatacara senaman lepas bersalin.
- g. Mengajar ibu mengenai pemakanan selepas bersalin.
- h. Memberi dorongan tentang perancangan keluarga.
- i. Memberitahu ibu mengenai tarikh temujanji untuk pemeriksaan lepas bersalin (*Post Natal Checkup*).

5.2.4 Kesihatan Kanak-kanak

- a. Menyediakan peralatan untuk sesi klinik kanak-kanak seperti tentukan alat penimbang (*calibration of weighing scale*), peralatan suntikan dan alat pengukur perkembangan bayi dan kanak-kanak.
- b. Membuat pendaftaran dan mengambil pengukuran antropometri seperti tinggi, panjang, lilitan kepala/ dada dan membuat catatan tumbesaran kanak-kanak.

- c. Membuat pemeriksaan keseluruhan dari kepala hingga kaki, penilaian tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak serta pengamalan pemakanan dan membuat rujukan kepada Jururawat Kesihatan atau Pegawai Perubatan untuk pemeriksaan dan masalah yang dikesan.
- d. Memberi imunisasi - BCG, Hepatitis B, Measles, Triple Antigen, Polio dan dos tambahan mengikut jadual dan umur kanak-kanak yang berkenaan.
- e. Memberi rawatan penyakit ringan, vitamin dan ubat cacing.
- f. Memberi susu penuh krim (FCM) apabila perlu.
- g. Menggalakkan penyusuan ibu berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- h. Menasihatkan ibu untuk memulakan makanan tambahan pada umur lima (5) bulan.
- i. Mendaftar kes Kekurangan Zat Makanan (Baru) dan kanak-kanak keperluan khas dan rujukan kepada Pegawai Perubatan.

5.2.5 Kesihatan Reproduktif/ Kesihatan Wanita

- a. Menjalankan motivasi kepada ibu mengenai kaedah merancang keluarga.
- b. Membantu membuat pemeriksaan tahap kesihatan ibu seperti pemeriksaan tekanan darah dan timbang setiap kali datang ke klinik dan pemeriksaan air kencing untuk albumin/ gula dan kemerahan darah setiap enam (6) bulan.
- c. Mengadakan perbincangan bersama ibu dan suami serta membuat penilaian bagi membuat pilihan yang sesuai dan membekalkan bahan kontraseptif.
- d. Memberi penerangan terperinci tentang kegunaan bahan kotraseptif.
- e. Merujuk kes-kes pap smear kepada Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan dan mengambil pap smear kepada penerima dan bukan penerima setelah dilatih semasa bekerja.

- f. Membuat rujukan kepada Pegawai Perubatan untuk pemasangan atau untuk mengeluarkan alat dalam rahim/suntikan dan kes yang bermasalah.

5.2.6 Lawatan Rumah

- a. Membuat pemilihan kad-kad ibu dan kanak-kanak untuk lawatan ke rumah.
- b. Membuat lawatan ke rumah untuk semua kes ibu mengandung bagi kes yang berisiko tinggi dan keciciran mengikut keadaan kes, sekurang-kurangnya dua (2) kali semasa mengandung.
- c. Membuat lawatan ke rumah kepada kes kanak-kanak yang keciciran imunisasi, KZM, kanak-kanak dengan keperluan khas di dalam kawasan operasi.
- d. Membantu dalam penyiasatan kematian ibu dan kanak-kanak.

5.2.7 Pendidikan Kesihatan

- a. Memberi pendidikan kesihatan dan bimbingan kepada individu, keluarga mengikut keperluan.
- b. Menjalankan pendidikan kesihatan dalam penggalakan penyusuan susu ibu - persediaan sewaktu hamil, lepas bersalin dan seterusnya penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.
- c. Menjalankan demonstrasi memasak, mandi bayi, penjagaan tali pusat dan lain-lain yang berkaitan kesihatan ibu dan anak.

5.2.8 Pesakit Luar

- a. Mendaftar pesakit.
- b. Menjalankan pemeriksaan dan memberi rawatan bagi yang berpenyakit ringan dan kes susulan.
- c. Membuat rujukan kepada Pegawai Perubatan apabila perlu.
- d. Memberi pertolongan cemas dan merujuk untuk rawatan ringan.

- e. Membekalkan ubatan bagi mereka yang menerima rawatan ringan.

5.2.9 Pengurusan Klinik

- a. Mengurus dan mengendalikan klinik desa di mana beliau bertugas.
- b. Menjaga kebersihan dan keceriaan klinik.
- c. Bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda kerajaan di klinik.
- d. Melaporkan sebarang kerosakan dan kehilangan di klinik.
- e. Membuat pesanan ubat, vaksin dan lain-lain keperluan ubatan dan bukan ubatan di klinik.
- f. Tinggal atas panggilan.

5.3 LATIHAN KEJURURAWATAN

- a. Membantu Ketua Jururawat Kesihatan dan Jururawat Kesihatan dalam latihan kejururawatan.
- b. Memberi bimbingan, latihan dan seliaan Jururawat Gred U19 dan Jururawat Pelatih yang ditempatkan di klinik di mana pegawai bertugas.
- c. Menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan KKM.
- d. Mengambil bahagian dalam latihan dan penyelidikan apabila perlu.

5.4 PROGRAM KUALITI DALAM KEJURURAWATAN

- a. Menghadiri mesyuarat bulanan dan menyertai aktiviti program perkhidmatan kesihatan dan kemasyarakatan.
- b. Melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang dijalankan di peringkat daerah:
 - i. ISO
 - ii. KMK
 - iii. INOVASI

- iv. DSA
- c. Promosi Imej - menjaga penampilan dan keterampilan diri serta imej jabatan.

5.5 DOKUMENTASI

- a. Menyimpan dan mengemas kini data dan rekod berkaitan dengan kebidanan, imunisasi, kelahiran, kematian dan beban kerja klinik.
- b. Membuat rutin harian/ bulanan/ suku tahun dan tahunan.

5.6 LAIN-LAIN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK).
- b. Menghadiri kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan KKM.
- c. Bekerjasama dengan bidan kampung dan menjalin hubungan baik dengan pihak-pihak yang berpengaruh di kawasan operasi dan lain-lain agensi.
- d. Mengambil bahagian dalam program khas :
 - i. Rancangan Pembasmian Malaria
 - ii. Rancangan Kawalan Tibi / Kusta
- e. Berhubung dan bekerjasama dengan bidan kampung dalam kawasan operasi. Mengambil bahagian dan membantu dalam aktiviti-aktiviti dalam *EXPANDED DAN EXTENDED SCOPE* Program Pembangunan Keluarga dan semua program dalam kesihatan awam.

6. HUBUNGAN KERJA DALAMAN DAN LUARAN

- a. Klinik Kesihatan - Merujuk kes bermasalah dan kecemasan, Jururawat Masyarakat akan berhubung terus dengan Pegawai Perubatan, Jururawat Kesihatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.
- b. Klinik Desa - Sentiasa bekerjasama dalam pengendalian pesakit dan pengurusan klinik yang berdekatan.

- c. Sekolah/ Kolej Latihan Jururawat Masyarakat - Bekerjasama dalam aktiviti latihan bersama Pengajar dan Pelatih.

7. PERSEKITARAN KERJA

- a. Bertugas atas panggilan - 24 jam bergilir-gilir mengikut jadual.
- b. Sistem komunikasi yang jelas, di antara pegawai atasan dan pekerja bawahan.
- c. Hubungan baik antara ketua kampung dan penduduk di kawasan yang beroperasi.

8. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

- a. Latihan Sangkut (*Attachment*) di Unit Kecemasan Hospital untuk memantapkan pengendalian kes kecemasan.
- b. Latihan Sangkut (*Attachment*) di Bilik Bersalin untuk meningkatkan kemahiran pengendalian kes bersalin dan kecemasan.
- c. Latihan Kaunseling Penyusuan Ibu.
- d. Kursus Perancang Keluarga.
- e. Kursus *Cold Chain*.
- f. Kursus B.C.G.
- g. Kemahiran komputer.
- h. Latihan membuat laporan, analisis dan statistik.

LAMPIRAN E

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....

.....

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI
BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN
KESIHATAN, DI (Nama Agensi)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menaik taraf skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 dengan fungsi perkhidmatannya diperluas di bawah perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26 berkuat

kuasa mulai 1 Januari 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan menerima gaji P...T...sebanyak RM..... sebulan atas Gred U mulai 1 Januari 2009.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2** seperti berikut dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran E2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran E2, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

**SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT MASYARAKAT**

1. Kerajaan telah memutuskan untuk menaik taraf skim **OPSYEN** perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 dengan fungsi perkhidmatannya diperluas di bawah perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26. Dengan keputusan ini, tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat di bawah Klasifikasi Perubatan dan Kesihatan (U) ataupun jika menolak akan kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama **tiga puluh (30) hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan **JAWATAN YANG DITAWARKAN** Jururawat Masyarakat Gred U19. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan

dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred dan skim perkhidmatan asal. Tuan/ puan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT DAN
PERATURAN
PERKHIDMATAN BARU**

5. (a) Tuan/ puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru.

**PENETAPAN
GAJI PERMULAAN**

- (b) Tuan/ puan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

- (c) Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip yang dinyatakan di atas, maka

jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

- (d) Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat, gaji tuan/ puan hanya akan dipindahkan ke matagaji baru di Gred U19, sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan berdasarkan kaedah seperti di perenggan (a) (b) (c) di atas.

6. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/ puan dalam tahun pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru. Bagi pegawai yang belum layak ditukar lantik PGT tuan/ puan akan diberi di gred jawatan asal kekal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan tuan/ puan sehingga layak ditukar lantik.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/ puan berubah kepada satu tarikh baru pada tahun berikutnya selepas berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini. TPG baru itu ialah pada **1 Januari** tahun berikutnya. Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan, TPG tuan/ puan akan berubah kepada 1 Januari pada tahun berikutnya selepas layak ditukar lantik dan gaji tuan/ puan ditetapkan pada matagaji baru di Gred U19.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

8. Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal atau tuan/ puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun

TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN

untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

9. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan.
**TEMPOH PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI YANG
BELUM DISAHKAN**
10. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan.
KEKANANAN
11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baru.
OPSYEN SKIM KWSP
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.
**TARAF BERPENCEN
DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa.
**PEMBERIAN TARAF
BERPENCEN**

- | | |
|--|---|
| <p>14. (a) Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19 hendaklah menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Gred U19 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat.</p> <p>(b) Penolong Jururawat Gred U11, U14 yang dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh mengguna pakai kelulusan PTK di Gred U11 dan U14 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di gred berkenaan.</p> | <p>PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN</p> |
| <p>15. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.</p> | <p>CUTI REHAT</p> |
| <p>16. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.</p> | <p>PENEMPATAN</p> |
| <p>17. Ketua perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.</p> | <p>KETUA PERKHIDMATAN</p> |
| <p>18. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.</p> | <p>KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN</p> |
| <p>19. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan</p> | <p>SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN</p> |

sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam gred jawatan asal.

20. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian **TARIKH KUAT KUASA** opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.
21. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL** terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman.

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN
KE SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI (Nama
Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan sendiri seperti berikut:-

* (a) **Bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim
☐ perkhidmatan Penolong Jururawat di.....(Nama Agensi) ke skim
perkhidmatan Jururawat Masyarakat di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P...T...
sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji U19.

ATAU

- * (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Jururawat di.....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Jabatan)

.....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI
BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN
KESIHATAN, DI (Nama Agensi)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menaik taraf skim perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 dengan fungsi perkhidmatannya diperluas di bawah perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan

pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat yang akan berkuat kuasa sehari selepas tuan/ puan memenuhi syarat mengikuti serta lulus dengan jayanya Kursus Peralihan Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam (6) bulan di kolej-kolej latihan KKM dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia seperti dinyatakan di perenggan 4(a) atau (b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2008. Dengan itu tuan/ puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal dalam skim perkhidmatan asal sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Sekiranya tuan/ puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/ puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari mulai Tuan/ puan adalah dikehendaki menandatangani borang opsyen seperti di **Lampiran E4** dan mengembalikan kepada Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN
KE SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI (Nama
Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan sendiri seperti berikut:-

* (a) **Bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim
perkhidmatan Penolong Jururawat di.....(Nama Agensi) ke skim
perkhidmatan Jururawat Masyarakat di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) sehari selepas tuan/ puan
memenuhi syarat mengikuti serta lulus dengan jayanya Kursus Peralihan

Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam (6) bulan di kolej-kolej latihan KKM dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia seperti dinyatakan di perenggan 4(a) atau (b) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2008. Dengan itu, tuan/ puan adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred sehingga memenuhi syarat tersebut.

ATAU

- * (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Jururawat di.....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN
PELANTIKAN PENOLONG JURURAWAT GRED U11
KEPADA JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Jururawat Gred U11 Yang **Telah Disahkan Serta Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan** Ke Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19. Diselaraskan Kepada Gaji Permulaan di Peringkat 1 (P1) Gred U19.

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2009
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U19 (RM)	CATATAN
31.12.2008	1947.71 (P3T22) Maks.	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
1.1.2009	1947.71 (P3T22) Maks.	2044.05 (P1T22)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.4.2009	-	2110.60 (P1T23)	TPG jawatan asal dan pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2010	-	2177.15 (P1T24) Maks.	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana berada di matagaji maksimum Peringkat 1 (P1).

Catatan :

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN F1

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN
PELANTIKAN PENOLONG JURURAWAT GRED U11
KEPADA JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Jururawat Gred U11 Yang **Telah Disahkan Dan Memiliki Kelayakan SPM Tetapi Belum Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan Yang Ditetapkan**. Diselaraskan Kepada Gaji Permulaan Di Peringkat 1 (P1) Gred U19 Sehari Selepas Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan.

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Januari 2009**
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : **1 April**
Tarikh Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan : **1 Oktober 2009**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U19 (RM)	CATATAN
31.12.2008	1335.26 (P1T14)	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
1.1.2009	1335.26 (P1T14)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai dikekalkan gaji di gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
1.4.2009	1467.53 (P2T15)	-	TPG jawatan asal. Diberi Anjakan Gaji mengikut keputusan PPSM. Pegawai dikekalkan gaji di gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.
2.10.2009	1467.53 (P2T15)	1578.20 (P1T15)	Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.
1.1.2010	-	1644.75 (P1T16)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN
PELANTIKAN PENOLONG JURURAWAT GRED U14
KEPADA JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Jururawat Gred U14 Yang **Telah Disahkan Dan Memiliki Kelayakan PMR Tetapi Belum Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan Yang Ditetapkan.** Diselaraskan Kepada Gaji Permulaan Di Peringkat 1 (P1) Gred U19 Sehari Selepas Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan.

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Januari 2009**
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : **1 Oktober**
Tarikh Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan : **15 November 2010**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U14 (RM)	Gaji Baru Gred U19 (RM)	CATATAN
31.12.2008	1931.43 (P1T9)	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
1.1.2009	1931.43 (P1T9)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai dikekalkan gaji di gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
1.10.2009	2003.30 (P1T10)	-	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Pegawai dikekalkan gaji di gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.
1.10.2010	2210.79 (P2T10) Maks.	-	TPG jawatan asal. Diberi Anjakan Gaji mengikut keputusan PPSM. Pegawai dikekalkan gaji di gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.
16.11.2010	2210.79 (P2T10) Maks.	2298.18 (P2T24)	Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.
1.1.2011	-	2298.18 (P2T24)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana berada di matagaji maksimum Peringkat 2 (P2).

Catatan :

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji